

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID  
[ KAPAR ]**

**SOALAN**

**DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan komitmen untuk menambah baik infrastruktur kesemua Klinik Kesihatan dalam Parlimen Kapar yang semakin hari menerima jumlah pesakit yang tinggi .

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa komited dalam memastikan infrastruktur fasiliti kesihatan yang disediakan memenuhi keperluan masyarakat dalam penggunaan perkhidmatan kesihatan. Untuk itu, peruntukan tahunan disalurkan kepada semua Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) melalui:

- i. Peruntukan Pembangunan di bawah BP00600 bagi Kerja-kerja Naiktaraf, Pembaikan dan Ubahsuai; dan
- ii. Kelulusan cadangan pembinaan Klinik Kesihatan baharu melalui Rancangan Malaysia Ke-11 dan Ke-12.

2. Peruntukan yang diterima diagihkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) termasuk di dalam kawasan Parlimen Kapar yang terletak di bawah seliaan PKD Klang. Pada tahun 2018, projek Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan Kuarters Kapar telah diluluskan dan dibina di atas tapak sedia ada. Projek ini melibatkan blok bangunan utama klinik dua (2)

tingkat, kuarters kakitangan dan blok sokongan. Perkhidmatan yang akan disediakan kelak meliputi:

- i. Perkhidmatan Klinik Pesakit Luar;
- ii. Perkhidmatan Kesihatan Keluarga (klinik ibu mengandung, klinik kanak-kanak, kesihatan wanita, pra kehamilan);
- iii. Perkhidmatan Kesihatan Pergigian;
- iv. Perkhidmatan Kecemasan;
- v. Perkhidmatan Farmasi;
- vi. Perkhidmatan Makmal;
- vii. Unit Pengimejan Diagnostik (X-ray);
- viii. Perkhidmatan Penyakit Tidak Berjangkit;
- ix. Perkhidmatan Penyakit Berjangkit (pengesanan penyakit & notifikasi – denggi, TB, HIV dan penyakit-penyakit lain yang berjangkit);
- x. Perkhidmatan perluasan program (klinik warga emas, kesihatan remaja, kesihatan wanita / lelaki & kesihatan sekolah);
- xi. Program Saringan Kesihatan; dan
- xii. Bangunan sokongan.

3. Sehingga 30 Oktober 2020, projek ini telah mencapai kemajuan sebanyak 88% dan dijangka siap pada April 2021. Dengan terbinanya Klinik Kesihatan baharu ini, jumlah fasiliti kesihatan yang terdapat di Parlimen Kapar adalah sebanyak sembilan (9) buah fasiliti seperti pecahan berikut :

- i. Tiga (3) buah Klinik Kesihatan;
- ii. Lima (5) buah Klinik Desa; dan
- iii. Sebuah (1) Klinik Komuniti.

4. KKM melalui JKN Selangor telah meluluskan pelbagai kerja-kerja pembaikan dan projek naik taraf secara berfasa di seluruh Negeri Selangor termasuk klinik-klinik kesihatan di Parlimen Kapar.

Sekian, terima kasih.